



Ruj. Tuan: MAINPP 03/08/27 Jld.2 (64)

Ruj. Kami:

Tarikh: 3 Syaaban 1447H / 22 Januari 2026

**SEMUA PENERUSI JAWATANKUASA PENTADBIRAN
MASJID DAERAH**

**SEMUA PENERUSI MASJID KARIAH
NEGERI PULAU PINANG**

**SEMUA PENERUSI SURAU (JUMAAT)
NEGERI PULAU PINANG**

YBhg.Dato'/Tuan,

**PENUBUHAN TABUNG WAKAF MASJID PULAU PINANG (TWMPP) DAN
ARAHAN UNTUK MENYUMBANG DENGAN KADAR SEPULUH PERATUS
(10%) DARI TABUNG YANG TERHASIL PADA HARI JUMAAT**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Bilangan 6 Tahun 2025 bertarikh 16 Julai 2025 telah meluluskan penjenamaan Tabung Wakaf Sumbangan Masjid (TWSM) kepada Tabung Wakaf Masjid Pulau Pinang (TWMPP).
3. Objektif tabung ini adalah seperti berikut:
 - 3.1 Membantu bagi menambah aset wakaf seperti tanah dan bangunan untuk faedah generasi akan datang;
 - 3.2 Mewujudkan jaringan dana kewangan umat Islam melalui institusi masjid;
 - 3.3 Memelihara tanah dan hartanah umat Islam yang ingin dijual untuk dijadikan sebagai harta wakaf;
 - 3.4 Melibatkan institusi masjid sebagai tonggak pembangunan ekonomi umat Islam; dan
 - 3.5 Melahirkan rasa tanggungjawab setiap umat Islam bagi memelihara kepentingan hartanah untuk kepentingan ummah.

4. Merujuk kepada Garis Panduan Pengurusan TWMPP yang diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Bilangan 9 Tahun 2025 bertarikh 29 September 2025, kadar sumbangan yang ditetapkan adalah **sepuluh peratus (10%)** daripada semua kutipan yang terhasil pada hari Jumaat yang diuruskan oleh masjid dan surau yang mendirikan solat Jumaat.

5. Sehubungan itu, pihak Y.Bhg.Dato'/Tuan dipohon untuk memberikan sumbangan dengan kadar sepuluh peratus (10%) daripada kutipan yang terhasil pada hari Jumaat kepada Tabung Wakaf Masjid Pulau Pinang berkuatkuasa mulai kutipan bagi bulan Januari 2026. Kutipan berkenaan disalurkan ke nombor akaun khas yang dibekalkan oleh MAINPP. Seterusnya, satu jawatankuasa akan ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Pentadbiran Tabung Wakaf Masjid Pulau Pinang yang akan dipengerusikan oleh Pegawai Tadbir Agama daerah masing-masing bagi tujuan pengurusan di peringkat daerah. Pihak Y.Bhg.Dato'/tuan juga dimohon untuk membuat hebahan kepada jemaah agar objektif penubuhan tabung ini dapat dicapai.

6. Bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Pengurusan Tabung Wakaf Masjid Pulau Pinang untuk rujukan pihak Y.Bhg.Dato'/Tuan. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Unit Kariah, Pejabat Agama Daerah atau urusetia MAINPP, Unit Pengurusan Dana Wakaf di talian 04-2260305 / noorazreen@mainpp.gov.my / shahrol@mainpp.gov.my. Perhatian dan kerjasama pihak Y.Bhg.Dato'/tuan berhubung perkara ini adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJI ROSIDI BIN HUSSAIN)

Setiausaha

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

e.d YB. Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid
Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang
Merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

Ketua Bahagian Kewangan dan Akaun
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

SENARAI EDARAN

Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang
Lebuh Pantai
10300 Pulau Pinang

Pejabat Agama Daerah Seberang Perai Utara (Butterworth)
Jalan Loader
12000 Butterworth
Pulau Pinang

Pegawai Tadbir Agama
Pejabat Agama Daerah Seberang Perai Utara (Kepala Batas)
13200 Kepala Batas
Pulau Pinang

Pegawai Tadbir Agama
Pejabat Agama Daerah Barat Daya
11000 Balik Pulau
Pulau Pinang

Pegawai Tadbir Agama
Pejabat Agama Daerah Timur Laut
Aras 34, KOMTAR
10000 Pulau Pinang

Pegawai Tadbir Agama
Pejabat Agama Daerah Seberang Tengah
14000 Bukit Mertajam
Pulau Pinang

Pegawai Tadbir Agama
Pejabat Agama Daerah Seberang Perai Selatan
14200 Nibong Tebal
Pulau Pinang



GARIS PANDUAN PENGURUSAN TABUNG WAKAF MASJID PULAU PINANG (TWMPP)

1. Pengenalan:

- 1.1 Penubuhan Tabung Wakaf Sumbangan Masjid telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Bil. 3 Tahun 2018 bertarikh 22 November 2018.
- 1.2 Penjenamaan semula kepada **Tabung Wakaf Masjid Pulau Pinang** dan Garis Panduan Tabung Wakaf ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Bil. 6 Tahun 2025 (kali ke-267) bertarikh 14 Julai 2025.

2. Urusetia:

- 2.1 Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).
- 2.2 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEIPP).
- 2.3 Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (Wakaf MAINPP).
- 2.4 Jawatankuasa Pentadbiran Tabung Wakaf Masjid Pulau Pinang

3. Matlamat:

- 3.1 Membantu bagi menambah aset wakaf seperti tanah dan bangunan untuk faedah generasi akan datang;
- 3.2 Mewujudkan jaringan dana kewangan umat Islam melalui institusi masjid;
- 3.3 Memelihara tanah dan hartanah umat Islam yang ingin dijual untuk dijadikan sebagai harta wakaf;
- 3.4 Melibatkan institusi masjid sebagai tonggak pembangunan ekonomi umat Islam; dan
- 3.5 Melahirkan rasa tanggungjawab setiap umat Islam bagi memelihara kepentingan hartanah untuk kepentingan ummah.

4. Kadar dan Sumber Sumbangan:

- 4.1 Kadar sumbangan adalah sepuluh peratus (10%) daripada semua kutipan yang terhasil pada hari Jumaat yang diuruskan oleh masjid-masjid di Pulau Pinang dan boleh diperluaskan kepada surau yang mendirikan solat Jumaat.

5. Penyaluran Kutipan Oleh Masjid:

- 5.1 Sumbangan 10% daripada kutipan tabung Jumaat hendaklah dimasukkan secara bulanan oleh setiap masjid atau surau yang mendirikan solat Jumaat di negeri Pulau Pinang ke akaun bank yang dikhaskan oleh MAINPP sebagai Tabung Wakaf Masjid Pulau Pinang.
- 5.2 Sumbangan tersebut hendaklah dimasukkan menggunakan nombor akaun bank *virtual* yang dibekalkan oleh MAINPP. Nombor akaun *virtual* ini tidak boleh dikongsi dengan masjid atau surau lain kerana ia merupakan kaedah pengesanan entiti penyumbang oleh pihak MAINPP.
- 5.3 Sumbangan hendaklah dimasukkan melalui akaun *virtual* berkenaan selewat-lewatnya 10hb bulan berikutnya dan pada 30hb bagi bulan Disember.

6. Jawatankuasa Pentadbiran:

- 6.1 Satu jawatankuasa pentadbiran yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pentadbiran Tabung Wakaf Masjid Pulau Pinang akan ditubuhkan di peringkat masjid-masjid daerah. Pelantikan Jawatankuasa Pentadbiran Tabung dengan keahlian jawatankuasa berjumlah 10 orang berdasarkan kapasiti 3 jawatan utama atas jawatan seperti berikut:

Pengerusi : Pegawai Tadbir Agama

Setiausaha : Imam Utama

Bendahari : Penyelia Kariah

Ahli Jawatankuasa: 7 orang

(Imam besar/pengerusi masjid kariah)

7. Fungsi Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang:

- 7.1 Menetapkan dasar dan hala tuju Tabung Wakaf Masjid Pulau Pinang.
- 7.2 Mempertimbangkan dan meluluskan cadangan pembelian hartanah yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Pentadbiran Tabung Wakaf Masjid Pulau Pinang.
- 7.3 Menyelaraskan perakaunan tabung ini, kutipan dan penggunaannya.
- 7.4 Membuat penilaian prestasi kutipan tabung ini secara keseluruhan dari semasa ke semasa.
- 7.5 Menguruskan pendaftaran hartanah wakaf di atas nama MAINPP.
- 7.6 Memaklumkan prestasi kutipan dan rekod penggunaan tabung ini dari semasa ke semasa kepada Jawatankuasa Pentadbiran Tabung ini.

8. Fungsi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang:

- 8.1 Melaksanakan hebahan serta apa-apa maklumat berkaitan pelaksanaan tabung ini kepada masjid-masjid di Pulau Pinang.
- 8.2 Membantu melaksanakan promosi berkenaan tabung ini.
- 8.3 Menyelaras setiap perubahan ahli jawatankuasa pentadbiran tabung ini di peringkat daerah dan memaklumkan kepada MAINPP.
- 8.4 Mencadangkan kepada MAINPP penambahbaikan berkenaan tabung ini dari semasa ke semasa.

9. Fungsi Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang:

- 9.1 Menguruskan kaedah promosi tabung ini untuk dilaksanakan di peringkat daerah.
- 9.2 Mencadangkan kepada MAINPP penambahbaikan berkenaan tabung ini dari semasa ke semasa.

10. Fungsi Jawatankuasa Pentadbiran Tabung Wakaf Masjid Pulau Pinang:

- 10.1 Mengadakan mesyuarat di peringkat daerah bagi tempoh setiap enam (6) bulan.

GARIS PANDUAN PENGURUSAN TABUNG WAKAF MASJID PULAU PINANG (TWMPP)

- 10.2 Memantau prestasi sumbangan setiap masjid kariah serta mengadakan sesi libat urus dengan masjid yang tidak menunjukkan prestasi sumbangan yang memberangsangkan.
- 10.3 Mengadakan sesi promosi dari semasa ke semasa di peringkat daerah.
- 10.4 Mengadakan sesi libat urus bagi sebarang hal-hal berbangkit tentang tabung ini dengan masjid-masjid kariah.
- 10.5 Mengemukakan cadangan pembelian hartanah yang wajar untuk pertimbangan MAINPP.

11. Fungsi Masjid Negeri, Daerah, Kariah dan Surau Jumaat:

- 11.1 Memasukkan wang sumbangan sepuluh peratus (10%) secara bulanan ke nombor akaun bank *virtual* masjid selewat-lewatnya pada 10hb bulan berikutnya dan pada 30hb bagi bulan Disember.
- 11.2 Membantu MAINPP mengadakan sesi penerangan, hebahan dan libat urus kepada anak kariah berkenaan matlamat penubuhan tabung ini dari semasa ke semasa.

12. Penutup

Garis Panduan ini adalah rujukan kepada semua pihak terhadap pelaksanaan Tabung Wakaf Masjid Pulau Pinang dan sekiranya terdapat perkara-perkara berbangkit berkenaannya hendaklah dirujuk kepada MAINPP.